

Kawasan	Sabtu	Zahir	Asar	Magrib	Iyak
Putrajaya	5.48	1.15	4.29	7.20	8.31
Shah Alam	5.48	1.15	4.29	7.20	8.31
Seremban	5.48	1.13	4.28	7.18	8.28
Malaka	5.48	1.12	4.27	7.17	8.27

INFO

SENTRAL

ACARA

Malam Mesra

PERSATUAN Bekas Pelajar Sekolah Menengah Sains Dungun akan mengadakan acara iuhuan 'Malam Mesra Ex-Semesters 2011' di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC), 4 Jun ini. Untuk maklumat lanjut, hubungi Nor Azril Fahmy Shuhaimi 019-3244525.

PROGRAM

IFLA

PERPUSTAKAAN Negara dan Persatuan Pustakawan Malaysia (PPNM) akan menganjurkan IFLA International Newspaper Conference 2011 bertemanya 'Newspaper in Multiple Scripts and Multiple Languages: Issues and Challenges for National Heritage' pada 25 - 27 April. Hubungi Kamru 016-2657424.

SEREMBAN

FORUM

Politik Melayu

FORUM 'Politik Melayu dan Keselamatan Negara' anjuran Persatuan Intelek Melayu Negeri Sembilan di Dewan RISDA, Seremban, Sabtu ini.

KONVENSYEN

Veterinar

KONVENTSEN Pengembangan Veterinar dan Mesyuarat Pegawai Perkhidmatan Veterinar Daerah Malaysia di Kuala Lumpur.



LATAR Expressway mempunyai akses keluar ke Lebuhraya Guthrie, Lebuhraya Utara-Selatan dan Lebuhraya Pantai Dalam.

Jimat 1 jam 15 minit

Perjalanan dari Kuala Selangor ke KL cuma 45 minit menerusi LATAR Expressway

Oleh Nurul Farina Nazian
nurul@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Beberapa ratus pengguna dari Kuala Selangor yang setiap hari terpaksa memilih perjalanan selama dua jam untuk ke ibu kota, pasti lega sebaik saja Lebuhraya Kuala Lumpur-Kuala Selangor melalui utara Temples Park ke Jok itu juga mempunyai akses keluar ke tiga lebuhraya lain, iaitu Lebuhraya Guthrie, Lebuhraya Utara-Selatan dan Lebuhraya Pantai Dalam.

Selain menjimatkan masa perjalanan, LATAR Expressway yang menghubungkan Kuala Lumpur-Kuala Selangor melalui utara Temples Park ke Jok itu juga mempunyai akses keluar ke tiga lebuhraya lain, iaitu Lebuhraya Guthrie, Lebuhraya Utara-Selatan dan Lebuhraya Pantai Dalam.

sepanjang 33 kilometer (km) itu menjimatkan masa perjalanan mereka daripada dua jam kepada 45 minit bagi perjalanan kedua-dua hala.

Selain menjimatkan masa perjalanan, LATAR Expressway yang menghubungkan Kuala Lumpur-Kuala Selangor melalui utara Temples Park ke Jok itu juga mempunyai akses keluar ke tiga lebuhraya lain, iaitu Lebuhraya Guthrie, Lebuhraya Utara-Selatan dan Lebuhraya Pantai Dalam.

Menurut kenyataan pemegang konsepsi LATAR Expressway, Kuala Lumpur-Kuala Selangor Expressway Berhad (KLSEB) yang dilancarkan di sini, semalam, lebuhraya itu juga bakal menjadi laluan alternatif Jalan Sungai Buloh-Kuala Selangor.


LATAR Expressway turut merentasi beberapa kawasan penempatan penduduk seperti Temples Park, Kuang, Kundang, Bandar Tasik Puteri, Puncak Alam, Kota Puteri dan Jok. Katakan, ia juga mempunyai empat susur keluar menuai empat plaza tol, iaitu Plaza Tol Temples, Kuang, Puncak Alam dan Jok di bahagian kiri kanannya bagi mempercepatkan perjalanan pengguna.

"Pengguna lebuhraya berkenaan juga akan menikmati pelbagai kemudahan disediakan terutama bagi penung-

gang motosikal kerana ada kawasan Rehat dan Rawat (R&R) di dua bahagian lebuhraya itu bagi mereka yang ingin berhenti sekiranya lelah," kata kenyataan itu.

Katanya, apa yang pasti, LATAR Expressway menjimatkan masa perjalanan daripada dua jam kepada kira-kira 45 minit bagi perjalanan dari Kuala Lumpur ke Kuala Selangor.

LIHAT MUKA 2



PETA Lebuhraya LATAR Expressway.

Tingkat peluang kerja, nilai hartanah

DARI MUKA 1

"Pembinaan lebuhraya itu turut memanfaatkan penduduk setempat dengan mewujudkan lebih banyak peluang kerjaan seperti restoran di R&R dan kerja penyelenggaraan lebuhraya, khususnya di daerah Kuala Selangor dan Gombak, selain meningkatkan nilai hartanah di sekitar kawasan berdekatan," katanya.

LATAR Expressway adalah sebahagian perancangan kerajaan bagi pembinaan Jalan Lingkaran Luar

Kuala Lumpur (KLOOR) dengan membabitkan kawasan jalan utama dari utara Temples Park ke Assam Jawa di Kuala Selangor.

Lebuhraya berkenaan juga dibina kerajaan sebagai jalan lingkaran alternatif bagi mengurangkan masalah kesesakan yang sering berlaku di Jalan Lingkaran Tengah 2 (MRR2).

"Pembinaan dimulakan pada Oktober 2008 dan dijangka siap sepenuhnya dalam masa terdekat ini," katanya.

Pembinaan LATAR Expressway

juga bakal menyaksikan 75 peratus jaringan KLOOR yang akan terarah kepada visi kerajaan untuk membangunkan sistem pengangkutan jalan yang sistematik bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas di bandar.

Beberapa bahagian utama KLOOR juga berjaya disiapkan membabitkan beberapa jaringan lebuhraya antaranya menghubungkan Lebuhraya Guthrie dengan Lebuhraya Elite dari Bukit Jelutong, Shah Alam ke Saujana Putra, Kajang.